ثتيقن تيته
PETIKAN TITAH
"JANGANLAH cepat-cepat mengikut arus, tetapi perlu berhemah dan patriotik di dalam mempertahan dan mengamalkan warisan berharga, seperti akhlak yang baik, bahasa bangsa dan sebagainya. Kerana semua elemen-elemen ini adalah penanda bagi kewujudan kita."
- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita Brunei
قليتا بروني
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN
"NEGERI kamu ini adalah negeri yang baik aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 15).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 5 | 11 JANUARI 2017 / 1438 ربيع الأخير 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

Brunei - Korea terus tingkatkan kerjasama perniagaan

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kiri); Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kanan); Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (dua, kiri); Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (dua, kanan) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung (tengah) semasa Majlis Perasmian Bangunan Baharu Kedutaan Republik Korea di Jalan Kebangsaan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Kedutaan Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea akan terus bekerjasama dalam mempromosikan peluang-peluang perniagaan bagi kedua-dua buah negara dalam meningkatkan keberkesanannya dan pengalaman-pengalaman yang terbaik.

Pertukaran ekonomi antara penduduk dengan penduduk dalam sektor swasta merupakan asas utama untuk menjalinkan persahabatan yang amat bernilai antara kedua-dua buah negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won Myung semasa Majlis Perasmian Bangunan Baharu Kedutaan Republik Korea di Jalan Kebangsaan.

Tuan Yang Terutama Cho Won Myung dalam ucapannya juga berkata, menghormati budaya dan sukan antara kedua-dua buah negara terbukti dalam meraih kemajuan dalam bidang pertukaran kebudayaan.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Bangunan baharu itu dibina pada bulan Februari 2015, tiga bulan selepas ketibaan Tuan Yang Terutama di negara ini.

Gegaran gempa bumi Lautan Sulawesi dirasai di kawasan BSB, Berakas

Siaran Akhbar : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan telah mengesahkan mengenai berlakunya satu gempa bumi di Lautan Sulawesi dengan kekuatan 7.2 pada Skala Richter pada jam 2.14 petang.

Berikutan kejadian gempa bumi tersebut, gegaran telah dirasakan di beberapa buah bangunan di kawasan sekitar Bandar Seri Begawan (BSB) dan Berakas.

Semua penghuni-penghuni telah pun keluar meninggalkan bangunan-bangunan berkenaan dan berkumpul di *assembly point* masing-masing.

Sejurus menerima panggilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) bersama ambulans telah pun dikerahkan ke bangunan-bangunan berkenaan.

Setelah pemeriksaan struktur dan tahap keselamatan dibuat oleh JBP dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, bangunan-bangunan telah disahkan berada dalam keadaan selamat dan penghuni-penghuni bangunan telah dibenarkan masuk semula.

Maklumat yang diterima dari Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam mengesahkan bahawa, tidak ada ancaman Tsunami bagi Negara Brunei Darussalam berikutan gempa bumi tersebut.

Menurut maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, gegaran yang sama turut dirasa di negeri Sabah.

Pada kesempatan ini, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) ingin menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengambil langkah waspada dan tidak berasa cemas dalam menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini.

Sekiranya memerlukan bantuan kecemasan, orang ramai bolehlah terus menghubungi Bomba melalui hotline 995, Polis melalui hotline 993 dan Ambulans melalui hotline 991.

Muka 3
TINJAU perkembangan SPAT, Masjid Kampung Batu Apoi

IKUTI KAMI DI
infodept.bn
@Infodept_bn
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Perbadanan TAIB sokong pertumbuhan ekonomi, galakkan kestabilan kewangan berpanjangan

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

BAGI pihak Pengerusi dan Perbadanan TAIB, ini adalah satu penghormatan besar bagi saya untuk berada di sini hari ini bagi mengalu-alukan dan mengucapkan setinggi-tinggi kasih kepada para tetamu yang dihormati dan tetamu kehormat yang hadir menyaksikan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Nasihat *(Advisory Agreement)* antara ICD dan Perbadanan TAIB.

Penandatanganan ini merupakan permulaan sebuah perjalanan dalam sejarah Perbadanan TAIB dan InsyaaAllah akan membawa kita lebih dekat kepada aspirasi Perbadanan TAIB bagi menubuhkan subsidiari Perbankan Perbadanan TAIB.

Kita mengakui bahawa ICD sebagai sebahagian dari Islam Development Bank Group yang mempunyai pengalaman luas dengan rekod kejayaan yang terbukti dalam penubuhan bank-bank Islam baik dalam penyertaan ekuiti langsung dan juga memberikan khidmat nasihat di seluruh negara anggotanya di mana Negara Brunei Darussalam juga menjadi ahli.

Perbadanan TAIB adalah Institusi Kewangan Islam tempatan yang pertama di Negara Brunei Darussalam. Diperbadankan di bawah Akta Cap TAIB 163 pada tahun 1991, sejak 25 tahun yang lalu objektif dasarnya adalah untuk beroperasi sebagai institusi simpanan untuk jemaah haji, pendeposit pasaran massa dan juga menawarkan produk pembiayaan mudah yang mematuhi Syariah.

Ia kemudian meningkatkan perkhidmatannya dengan penglibatannya dalam sektor insurans dan pelancongan melalui anak-anak syarikatnya, iaitu Insurans Islam TAIB Holding Sdn. Bhd. (yang sebelum ini dikenali sebagai Takaful TAIB Sdn. Bhd.) dan Darussalam Holding Sdn. Bhd. yang menyediakan pakej perkhidmatan haji dan umrah, perjalanan antarabangsa dan perjalanan dalam dan luar negeri.

TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman dan Perjanjian Nasihat antara Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD) pada hari Rabu, 14 Disember 2016, bertempat The Empire Hotel and Country Club.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

Pada 29 September 2016, TAIB meraikan Ulang Tahun Jubli Perak. Sepanjang 25 tahun beroperasi, Perbadanan TAIB telah mencapai kemajuan dalam memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik dan kini telah berkembang kepada lapan (8) cawangan di seluruh Negara Brunei Darussalam. Ia juga telah menggunakan sumber-sumbernya untuk memasuki era pendigitalan di mana Pusat Panggilan khusus telah ditubuhkan sebagai pusat saluran untuk menerima dan menyelesaikan pertanyaan pelanggan dengan berkesan. Saluran alternatif bagi pelanggan-pelanggan kami untuk melakukan transaksi perbankan mereka juga telah dibuat seperti aplikasi mudah alih dan perbankan internet. Ini membolehkan kita terus maju seiring keperluan pembangunan perbankan asas pelanggan kami.

Perbadanan TAIB akan terus berusaha untuk maju. Perbadanan TAIB bercita-cita untuk meningkatkan operasinya ke tahap seterusnya dengan meningkatkan produk dan perkhidmatan perbankan yang lebih canggih seperti pembiayaan perdagangan dan modal kerja bagi sektor korporat khususnya bagi menyokong PKS untuk memulakan perniagaan. Satu niche yang pasti bagi Negara Brunei Darussalam dalam persekitaran Kewangan Islam Global yang pesat berkembang dan kami mahu menjadi sebahagian daripadanya.

MoU dan Perjanjian Penasihat ditandatangani hari ini dengan ICD adalah langkah komited bagi kerjasama rapat bagi mencapai matlamat bersama untuk penubuhan Bank Islam sepenuhnya. Ini juga merupakan permulaan transformasi penting bagi Perbadanan TAIB.

Sebagai sebuah institusi pembangunan kewangan multinasional dan pelbagai hala, ia ditubuhkan bagi menyokong pembangunan ekonomi negara-negara anggotanya melalui penyediaan pembiayaan bagi projek-projek sektor swasta, menggalakkan persaingan dan keusahawanan, menyediakan khidmat nasihat kepada kerajaan dan syarikat swasta dan menggalakkan pelaburan merentasi sempadan.

Dengan bekerjasama bersama ICD, kami yakin bahawa kami boleh memanfaatkan dan menerima pakai amalan perbankan antarabangsa terbaik. Kemahiran profesional lengkap seperti itu akan memberi Perbadanan TAIB permulaan yang baik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan kestabilan kewangan berpanjangan dan juga bagi menyediakan landasan terbaik untuk pembinaan keupayaan. Secara kolektif, semua ini akan membawa Negara Brunei Darussalam satu langkah lebih dekat untuk membawa hab kewangan Islam dalam pasaran global.

Pada majlis ini, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) atas sokongan berterusan mereka dan kami yakin bahawa kerjasama dan kolaborasi yang erat akan diteruskan seperti mana tujuan Perbadanan TAIB adalah untuk memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan Industri Perbankan Islam di Brunei Darussalam dan seterusnya, InsyaaAllah.

Sebagai penutup, saya mengucapkan tahniah kepada Perbadanan TAIB dan ICD sekali lagi kerana melakar sejarah pencapaian penting hari ini dan juga ucapan terima kasih dan penghargaan untuk kehadiran awda pada hari ini.

DENGAN bekerjasama bersama ICD, kami yakin bahawa kami boleh memanfaatkan dan menerima pakai amalan perbankan antarabangsa terbaik. Kemahiran profesional lengkap seperti itu akan memberi Perbadanan TAIB permulaan yang baik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan kestabilan kewangan berpanjangan dan juga bagi menyediakan landasan terbaik untuk pembinaan keupayaan. Secara kolektif, semua ini akan membawa Negara Brunei Darussalam satu langkah lebih dekat untuk membawa hab kewangan Islam dalam pasaran global.

Dari Sidang Pengarang

11 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الأخير 13

SIKAP 'BUSINESS AS USUAL' PERLU DIKIKIS

SELARAS dengan visi dan misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), kementerian berkenaan baru-baru ini melancarkan Pelan Strategik 2016-2020 KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan memberi penekanan kepada empat teras utama, iaitu pertumbuhan, produktiviti, eksport dan berdaya tahan.

Semasa pelancaran pelan strategik yang disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, beberapa perkara utama yang disentuh oleh Yang Berhormat, iaitu meminta warga KSSUP merubah sikap dan minda dalam melaksanakan kerja-kerja yang diberikan.

Sikap 'business as usual' perlu dikikis yang mana semua peringkat pegawai perlu bekerja lebih gigih dan cemerlang bagi memastikan kementerian dapat melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan. Para pegawai juga dinasihatkan supaya bekerja mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan mengikut urus tadbir yang terbaik, di samping saling mengingati supaya dapat mencapai sasaran dengan jayanya tanpa menghadapi sebarang insiden yang kurang disenangi jua.

Penekanan perancangan strategik dan hala tuju dasar baharu kementerian ini juga adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016.

"Di sini, kita perlu turut melihat prestasi ekonomi kita sendiri, di mana beberapa tahun kebelakangan ini, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah agak perlahan, yang memerlukan kita menggandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negara, terutama yang di luar sektor minyak dan gas.

Di antara yang di luar sektor minyak dan gas itu, ialah seperti sektor pertanian dan perikanan, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, termasuk perkhidmatan kewangan, pengangkutan, logistik, telekomunikasi, perdagangan, pelancongan dan lain-lain.

Kita mustahak ingat, bahawa pasaran dalam negara kecil bukanlah alasan untuk menghalangi pertumbuhan keluaran, malah setiap syarikat, sama ada ia milik persendirian atau milik kerajaan, adalah mampu untuk mensasarkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka ke luar negara sebagai eksport."

Menerusi titah tersebut, baginda telah menggariskan hala tuju dasar yang jelas untuk dijadikan sebagai panduan dalam menyediakan perancangan strategik dan hala tuju dasar KSSUP.

Antara matlamat pelan strategik tersebut ialah untuk meningkatkan sumbangan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan industri pelancongan kepada pertumbuhan KDNK serta meningkatkan jumlah keluaran dan nilai eksport dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan.

Menerusi pelaksanaan pelan strategik, KSSUP mensasarkan keluaran kasar industri sumber-sumber utama meningkat dari BND511 juta pada tahun 2015 kepada BND1.8 bilion menjelang tahun 2020, iaitu peningkatan purata sebanyak 28.8 peratus setahun. Sumbangan sektor industri pertanian, perikanan dan perhutanan akan meningkat dari satu peratus KDNK pada tahun 2015 kepada lima peratus KDNK menjelang tahun 2020.

Beberapa industri utama, seperti industri ayam pedaging; industri sayur-sayuran; industri bunga keratin; industri agrimakanan; industri akuakultur (ternakan ikan dalam sangkar luar pantai dan ternakan udang); industri pemprosesan makanan laut dan industri hiliran dan nilai tambah perhutanan akan diberi tumpuan bagi mencapai sasaran dan trajektori 2016 - 2020.

Bagi sektor pelancongan, kementerian mensasarkan bilangan ketibaan pelancong meningkat dari 218,000 pada tahun 2015 kepada 450,000 pada tahun 2020 iaitu peningkatan purata sebanyak 5.9 peratus setahun dan nilai pendapatan dari sektor pelancongan dijangka mencecah BND335 juta menjelang 2020.

Dengan adanya pelan strategik ini, setentunya berupaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan yang mana sehingga tahun 2020 nanti, industri pertanian dijangka akan dapat menjana lebih 4,800 tambahan peluang pekerjaan, industri perikanan menyediakan lebih 2,500 tambahan peluang pekerjaan; industri perhutanan lebih 360 tambahan peluang pekerjaan dan industri pelancongan pula akan menyediakan lebih 330 tambahan peluang pekerjaan.

- Ketua Penyuntingan (Hs).

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	RABU	13	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24	7.38
12	KHAMIS	14	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24	7.38
13	JUMAAT	15	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
14	SABTU	16	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	AHAD	17	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.52	6.26	7.39
16	ISNIN	18	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	SELASA	19	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
991	993	995	998	123	2380214

Tinjau perkembangan SPAT, Masjid Kampung Batu Apoi

Berita dan Foto :
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (dua, kiri) berkesempatan meninjau pembelajaran dalam salah sebuah kelas Sekolah Persediaan Arab Temburong.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa meninjau perkembangan Masjid Kampung Batu Apoi, Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 10 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman meneruskan siri lawatannya ke Daerah Temburong bagi meninjau Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT) dan Masjid Kampung Batu Apoi, di sini.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan mula-mula singgah ke SPAT, yang antara lain bertujuan bagi meninjau perkembangan persekolahan Arab di Daerah Temburong. Ketibaan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Ajijah binti Haji Moktal dan Guru Besar SPAT, Awang Morsidi bin Haji Tuah serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Semasa lawatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkesempatan membuat tinjauan ke bilik-bilik darjah sambil beramah mesra dengan murid-murid, diikuti dengan sesi taklimat di Bilik Mesyuarat sekolah disampaikan oleh Guru Besar SPAT. Sekolah ini yang mula dibuka pada tahun 1997 mempunyai seramai 18 guru dan 97 pelajar yang menuntut di Tahun 5 hingga Tahun 8 dalam sesi pagi dan petang, serta menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantara. SPAT telah mencapai beberapa kecemerlangan yang membanggakan, antaranya dari segi kurikulum di mana sekolah ini telah berjaya mencapa i 100 peratus lulus dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), dengan 97 peratus mencapai dalam pangkat 'A' - 'C'.

Manakala dalam aspek kokurikulum, SPAT juga telah banyak mencapai kejayaan, antaranya menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Peraduan Masrahiah Arabiah Peringkat Negara, johan dan naib johan Peraduan Musabaqah Al-Quran dan tempat ketiga dalam Peraduan Pidato Dalam Bahasa Arab. Antara program menarik yang diperkenalkan oleh sekolah ini dalam mengukuhkan lagi penguasaan dan penuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajarnya ialah dengan menganjurkan Program Al-Arabiah Bayna Shafahatayn (Pengucapan Bahasa Arab di bibir mulut) iaitu pelajar mengenali 90 patah perkataan Arab baharu dalam tempoh 30 hari.

MASJID Kampung Batu Apoi menyediakan khemah di luar masjid bagi menampung peningkatan jumlah jemaah masjid terutama ketika Solat Fardu Jumaat.

Lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berakhir di Masjid Kampung Batu Apoi dengan dialu-alukan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid dan Imam Masjid berkenaan, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dan Awang Shamsuddin bin Haji Azahari. Terletak kira-kira 6 kilometer dari Pekan Bangar, Masjid Kampung Batu Apoi dibina pada 28 Disember 1986 Masihi di atas sebidang tanah berkeluasan 1.965 ekar dan telah dibuka rasmi pada 10 Muharam 1408 Hijrah bersamaan dengan 4 September 1987M. Masjid ini boleh menampung kira-kira 200 jemaah dan di antara kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah Dewan Serbaguna, Dewan Makan dan Bilik Perpustakaan.

Semasa ditemui, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, dengan pertambahan jemaah yang kian meningkat ketika ini, KHEU sedang berusaha memikirkan solusi terbaik untuk menampung pertambahan ini di mana jemaah yang menggunakan masjid ini bukan sahaja terdiri daripada penduduk di kawasan setempat, malah turut digunakan oleh peserta-peserta dari Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dari kem latihan berdekatan.

"Pembesaran Masjid Kampung Batu Apoi memang sudah termasuk di dalam perancangan KHEU dan hanya menantikan beberapa ketetapan tertentu sahaja lagi. Keperluan bagi pembesaran atau pengubahsuaian masjid adalah sebagai memberikan respons terbaik kepada keperluan pengguna masjid, di mana ketika ini bahagian dalam masjid hanya mampu menampung seramai 200 jemaah dari

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sempat berinteraksi bersama beberapa orang pelajar di Sekolah Persediaan Arab Temburong.

kalangan penduduk setempat, namun jumlah ini akan bertambah pada hari-hari tertentu seperti ketika Solat Fardu Jumaat dan bahagian ruang dalam masjid akan penuh dan para jemaah terpaksa menggunakan kawasan luar masjid untuk bersolat termasuk penyediaan khemah oleh pihak masjid," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, masjid ini turut digunakan oleh para pelatih PKBN berdekatan dengan keramaian lebih kurang 300 orang secara berterusan dan dalam masa panjang memang memerlukan masjid yang bersesuaian yang mampu menampung kapasiti jemaah yang lebih besar.

"Menyentuh mengenai Sekolah Persediaan Arab, lawatan hari ini adalah bagi menyampaikan lagi satu agenda kementerian, iaitu bagi memperkasakan bahasa Arab. Alhamdulillah, nampaknya SPAT sudah berada di hadapan sedikit mungkin kerana faktor keramaian pelajar yang tidak ramai, maka sekolah ini dapat mengaturkan pelaksanaan program memperkasakan bahasa Arab ini bagi para pelajarnya dan ia akan ditingkatkan lagi pada tahun ini dengan keutamaan untuk menimbulkan suatu persekitaran berbahasa Arab. Apabila dilihat daripada program-program yang sudah dibuat di keempat-empat daerah didapati semua sekolah-sekolah Arab telah merangkakan bagaimana persekitaran berbahasa Arab itu boleh wujud dengan ketaranya di sekolah Arab sendiri dan insyaaAllah akan kita pantau pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya. Selain itu, kita juga akan memantau bagaimana kesannya agar sekolah Arab itu benar-benar menjadi sekolah yang menyediakan pelajaran yang baik untuk pelajar-pelajar menguasai bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik, insyaaAllah," jelas Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita 11 Januari 2017

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (dua, kanan); Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha (dua, kiri); Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kanan sekali) dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof (kiri sekali) semasa hadir pada raptai penuh Majlis Perhimpunan Khas Wanita.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi
Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan berlangsung pada hari Rabu, 13 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 11 Januari 2017 Masihi bermula jam 9.00 pagi, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Majlis akan diisikan dengan Ceramah Khas mengenai tema majlis pada tahun ini, iaitu 'Berwawasan Yang Berkat Dengan Bercontoh Kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang akan disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, yang mana majlis juga akan mengetengahkan pameran dan jualan produk halal dan perkhidmatan pengusaha-pengusaha tempatan yang akan diadakan selama tiga hari.

Bagi memastikan pelaksanaan majlis itu berjalan dengan lancar, raptai penuh bagi majlis tersebut telah diadakan.

Hadir menyaksikan raptai tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1438H; Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

SESI raptai bagi Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1438 Hijrah.

ITQSHHB terima kemasukan 79 pelajar baharu

PELAJAR lelaki didaftarkan oleh penjaganya di Dewan Serbaguna, Blok Asrama Lelaki, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Jalan Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Seramai 79 pelajar baharu, 41 lelaki dan 38 perempuan diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) pada Majlis Penerimaan Pelajar Baharu Tahun 7 bagi Sesi 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Bagi pelajar-pelajar lelaki, sesi tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, Blok Asrama Lelaki, ITQSHHB, Jalan Tutong, sementara bagi pelajar-pelajar perempuan pula telah diadakan di Lobi Asrama Perempuan, Bangunan Ong Sum Ping, ITQSHHB, Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua acara berlangsung secara serentak dan dikendalikan oleh para pegawai dan kakitangan institut berkenaan.

Sepertimana lazimnya, para pelajar akan didaftarkan oleh ibu bapa / penjaga masing-masing dan seterusnya pelajar menempati bilik-bilik di asrama di mana mereka akan meneruskan pengajian di institut berkenaan.

Setiap pelajar dikehendaki untuk tinggal di asrama sepanjang pengajian di ITQSHHB, walau bagaimanapun mereka juga dibenarkan untuk balik ke rumah masing-masing seminggu sekali dan pada hari-hari kelepasan awam yang bertujuan untuk mendidik para pelajar supaya lebih berdikari, berdisiplin dan dapat menyesuaikan diri masing-masing dalam suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Beberapa aktiviti telah diaturkan sepanjang Minggu Ta'aruf (minggu suai kenal) ITQSHHB yang akan berlangsung bermula 9 Januari sehingga 14 Januari ini.

PELAJAR perempuan yang ditemani oleh ibu bapa di Lobi Asrama Perempuan, Bangunan Ong Sum Ping, ITQSHHB.

Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP dilancarkan

MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2016 - 2020 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya, di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2016 - 2020 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan diadakan bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.

Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Melalui Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP, kementerian berkenaan akan melaksanakan visinya ke arah pertumbuhan pesat keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan sehingga mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sementara itu, misi kementerian pula ialah menerajui pertumbuhan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara dengan memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, penggunaan teknologi tinggi serta memfokus kepada pasaran eksport.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ucapannya menyentuh beberapa perkara utama dalam melaksanakan pelan strategik kementerian yang mana antaranya ialah perubahan sikap dan minda seluruh warga kementerian yang sangat dituntut dan diperlukan, dalam melaksanakan kerja-kerja yang diberikan.

Menurut Yang Berhormat, sikap *business as usual* perlu dikikis, semua peringkat pegawai perlu bekerja lebih gigih dan cemerlang bagi memastikan kementerian dapat melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan.

Selain itu, Yang Berhormat juga menasihati pegawai-pegawainya supaya bekerja mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan mengikut urus tadbir yang terbaik, di samping saling mengingati supaya dapat mencapai sasaran dengan jayanya tanpa menghadapi sebarang insiden yang kurang disenangi jua.

Selaras dengan visi dan misi tersebut, KSSUP memberikan penekanan kepada empat teras utama iaitu pertumbuhan, produktiviti, eksport dan berdaya tahan.

Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP juga menghuraikan matlamat-matlamat strategik kementerian, seperti meningkatkan sumbangan keluaran industri pertanian, perikanan, perhutanan dan industri pelancongan kepada pertumbuhan KDNK; Meningkatkan jumlah keluaran dan nilai eksport dari industri pertanian, perikanan dan perhutanan; Meningkatkan produktiviti industri pertanian, perikanan, perhutanan dan perhutanan melalui penggunaan teknologi dan teknik-teknik moden secara meluas; Mengurangkan pergantungan ke atas import barang makanan tetapi bersikap terbuka dengan peningkatan import bahan bagi industri pemprosesan; Meningkatkan pendapatan negara melalui pertukaran asing yang dijana daripada aktiviti eksport dan daripada industri pelancongan; Meningkatkan pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong dan pertumbuhan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan di Negara Brunei Darussalam supaya dapat menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK; Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan dalam melaksanakan strategi dan program untuk meningkatkan keluaran industri-industri dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti dengan Public Private Partnership (PPP), Joint Venture (JV) dan lain-lain.

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan Buku Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP kepada Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Bagi tempoh 2016 hingga 2020, kementerian ini mensasarkan keluaran kasar industri sumber-sumber utama meningkat dari BND511 juta pada tahun 2015 kepada BND1.8 bilion menjelang tahun 2020, iaitu peningkatan purata sebanyak 28.8 peratus setahun.

Dengan demikian, sumbangan sektor industri pertanian, perikanan dan perhutanan akan meningkat dari satu peratus KDNK pada tahun 2015 kepada lima peratus KDNK menjelang tahun 2020.

Untuk mencapai sasaran dan trajektori 2016 - 2020, kementerian ini melalui jabatan-jabatan yang berkenaan akan memberikan tumpuan kepada beberapa industri utama KSSUP juga mensasarkan iaitu industri ayam pedaging; industri sayur-sayuran; industri bunga keratin; industri agrimakanan; industri akuakultur (ternakan ikan dalam sangkar luar pantai dan ternakan udang); industri pemprosesan makanan laut dan industri hiliran dan nilai tambah perhutanan.

Bagi sektor pelancongan pula, kementerian mensasarkan bilangan ketibaan pelancong meningkat dari 218,000 pada tahun 2015 kepada 450,000 pada tahun 2020 iaitu peningkatan purata sebanyak 5.9 peratus setahun dan nilai pendapatan dari sektor pelancongan dijangka mencecah BND335 juta menjelang 2020.

Melalui pelan strategik ini, berupaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sehingga tahun 2020 nanti, industri pertanian dijangka akan dapat menjana lebih 4,800 tambahan peluang pekerjaan, industri perikanan menyediakan lebih 2,500 tambahan peluang pekerjaan; industri perhutanan lebih 360 tambahan peluang pekerjaan dan industri pelancongan pula akan menyediakan lebih 330 tambahan peluang pekerjaan.

Majlis diselajurkan dengan penyerahan Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya kepada Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah dan ketua-ketua bahagian di KSSUP.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bergambar bersama para pegawai kanan dan pegawai KSSUP pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2016 - 2020 KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Jabatan Penerangan terima lawatan Command and Staff College of Saudi Arabia

ROMBONGAN dari Command and Staff College of Saudi Arabia bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (depan, empat dari kanan) dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menerima lawatan rombongan seramai 21 orang terdiri daripada Command and Staff College of Saudi Arabia.

Kedatangan rombongan yang diketuai oleh War Wing Commander and Staff College, Saudi Arabia, Mejar Jeneral Pilot Abdullah Saleh Al-Shehri dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Semasa berada di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah dalam ucapannya berterima kasih atas kesudian lawatan tersebut dan setentunya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Rombongan juga berkesempatan mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohidin yang menyentuh mengenai penyaluran maklumat adalah daripada strategi kerja jabatan berkenaan melalui media cetak, seperti akhbar rasmi kerajaan, iaitu Pelita Brunei edisi Isnin, Rabu dan Sabtu, buku-buku yang berorientasikan kenegaraan dan lain-lain, melalui Komunikasi Bersemuka atau Berdudun dan Media Baharu, iaitu Facebook, Instagram dan Twitter.

Lawatan ini adalah sebahagian daripada kurikulum kursus Maktab Turus negara berkenaan dan bertujuan untuk mempersiapkan diri peserta kursus untuk mengkaji dan menganalisa sistem diplomatik, ekonomi, maklumat dan ketenteraan pada peringkat strategik. Rombongan berada di negara ini dari 6 hingga 13 Januari 2017.

ROMBONGAN dari Command and Staff College of Saudi Arabia menerima taklimat dan mengadakan sesi ramah mesra bersama pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan semasa lawatan tersebut.

Permohonan RFP masih dibukakan

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), menurut siaran akhbarnya mana-mana pihak yang berminat dalam Permintaan untuk Cadangan (RFP) untuk membekalkan, mengendali, menyelenggara dan menguruskan perkhidmatan bas awam meliputi bidang yang dinyatakan di atas RFP itu masih terbuka untuk penyertaan.

RFP itu meliputi kawasan di Negara Brunei Darussalam khusus untuk lima (5) laluan bas antara daerah, dua (2) laluan bas utama di Tutong, lima (5) laluan bas utama di kawasan Kuala Belait-Seria, dua (2) laluan bas utama di Temburong dan 21 perkhidmatan bas perantaraan dari kawasan kediaman di semua daerah.

Dokumen RFP telah diedarkan sejak 27 Disember 2016.

Dokumen RFP boleh diperolehi di JPD di alamat Seksyen Kewangan, Tingkat 4, JPD, Jalan Gadong, Kampung Beribi, Brunei Darussalam.

Atau bagi mana-mana pihak yang berminat bolehlah menge-mel terus ke *jpdptg@land-transport.gov.bn* bagi kemudahan akses dalam talian untuk mendapatkan dokumen RFP dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dikembalikan sebelum 27 Februari nanti ke alamat seperti yang dinyatakan atau melalui e-mel, atau melalui lain-lain cara yang berkaitan dengan IT yang boleh diakses dan dibuka oleh pihak JPD.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi JPD melalui alamat e-mel yang sama.

Pemenang Minda Pembaca!

Persiapkan diri anak-anak dengan didikan agama, disiplin

SUDAH tiba masanya murid-murid masuk balik ke sekolah seperti yang dilakukan setiap tahun pada penggal pertama untuk menyambung pengajian atau pembelajaran mereka di dalam sekolah. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai tip-tip bagi mempersiapkan hari pertama anak masuk ke sekolah.

Pertama, ibu bapa hendaklah mempersiapkan anak-anak mereka sebelum bermulanya persekolahan dengan mencatat barang yang perlu dibeli untuk keperluan bersekolah seperti pakaian sekolah, pen, pensil, beg dan sebagainya. Hal ini bertujuan supaya menimbulkan semangat dalam diri anak-anak dengan azam baharu bagi mencapai visi dan misi sekolah. Kesannya, langkah seperti ini akan dapat mempengaruhi minda mereka agar dapat belajar dengan bersungguh-sungguh. Oleh yang demikian, ibu bapa memainkan peranan utama dalam mempersiapkan anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah.

Kedua, ibu bapa perlu juga mengambil perhatian sepenuhnya dalam menanamkan didikan agama agar akhlak anak-anak sentiasa terkawal. Hal ini kerana pendidikan agama Islam yang kukuh sudah tentu anak-anak tidak terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah dan tidak melanggar disiplin yang telah ditentukan di sekolah. Impaknya, murid-murid yang mempunyai iman yang kuat akan dapat mengelakkan daripada berlakunya keruntuhan akhlak seperti kegiatan buli, ponteng sekolah, merokok dan sebagainya. Buktinya, kebanyakan murid yang berpendidikan agama dan menjaga akhlak dengan baik dapat mentadbir kehidupan dengan sempurna dan hidup mereka bersih dari masalah disiplin. Jelaslah bahawa tip mempersiapkan hari pertama anak masuk sekolah ialah ibu bapa hendaklah mengambil perhatian sepenuhnya dalam pendidikan agama dan menjaga akhlak dengan baik.

Demikianlah antara tip-tip bagi mempersiapkan hari pertama anak masuk ke sekolah. Oleh itu, pihak guru dan ibu bapa hendaklah berganding bahu untuk memastikan murid-murid dapat belajar di sekolah dengan sungguh-sungguh, bak kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing'. Harapan kita agar murid-murid sekolah menjadi belia-belia yang berkualiti dan beragama sesuai dengan Wawasan 2035.

Nama : Awang Muhammad Mirwan @ Muhammad Abbasy bin Mohammad Ismail
No. K/P : 01-085740 (K)
Alamat : No. 27, Simpang 806, Kampung Jangsak Jalan Gadong BF2720, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. **'Berwaspada Sertai Skim Cepat Kaya'.** Tarikh Tutup **: 11 Januari 2017**
2. **'Cabaran dan Kesan Dunia Siber'.** Tarikh Tutup **: 18 Januari 2017**
3. **'Manfaat Kesihatan Dalam Berbasikal'.** Tarikh Tutup **: 25 Januari 2017**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Berdampinglah dengan Al-Quran



AL-QURAN adalah satu sumber hukum yang paling utama dalam kehidupan setiap umat Islam. Al-Quran menjadi satu panduan hidup di mana dengan membaca Al-Quran, ia boleh mendekatkan diri seorang hamba dengan penciptanya, iaitu Allah Subhanahu Wata'ala, begitu juga menghubungkan sesama manusia dan makhluk-makhluk lain.

Sesiapa yang membaca Al-Quran pasti akan meraih pahala yang amat besar dan Al-Quran akan menjadi syafaat pembaca di akhirat nanti. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Umamah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang sebagai syafaat kepada pembacanya."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Malik daripada Muslim bin Yasar al-Juhani, Baginda bersabda yang bermaksud :

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya."

Namun berapa ramaikah umat Islam yang benar-benar mengamalkan dan sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai pendamping?

Justeru itu, umat Islam semestinya menjaga hubungan dengan Al-Quran dengan menjadikan Al-Quran sebagai teman karib, ibaratnya isi dengan kuku. Pelbagai ilmu yang terdapat di dalam Al-Quran seperti hukum-hukum dalam agama dan juga perkara-perkara ghaib serta kejadian-kejadian yang akan berlaku di akhirat kelak. Al-Quran juga menjelaskan ilmu-ilmu yang sulit dan rahsia yang mengandungi di dalamnya ilmu-ilmu moden seperti asas-asas ilmu hayat, asas-asas ilmu kesihatan, ilmu metafizik, asas-asas ilmu ekonomi, asas-asas ilmu kejuruteraan, asas-asas ilmu astronomi, pelayaran, perkapalan dan sebagainya.

Dengan berdamping dengan Al-Quran, akan memudahkan urusan kita di dunia dan akhirat sekali gus menjauhkan kita dari apa jua anasir-anasir yang ingin menyesatkan dan mendorong kita ke jalan yang dimurkai-Nya.

Dengan kepesatan teknologi masa kini, senaskhah Al-Quran sudah boleh dimuat turun melalui pelbagai aplikasi. Oleh yang demikian, sepatutnya tiada lagi alasan untuk umat Islam tidak celik dan tidak mencintai Al-Quran pada masa kini. Sudah banyak pilihan bagi kita untuk mendampingi dan menguasai Al-Quran secara lebih konsisten dan istiqamah. Tidak lupa juga, kita pasanglah niat untuk mencari pedoman hidup melalui penghayatan Al-Quran.

Agar kita benar-benar dapat menjiwai dan mengambil manfaat daripada kalam Allah ini, terdapat beberapa cara untuk mendekati Al-Quran dengan niat yang ikhlas untuk mendampingi dan bersahabat dengan Al-Quran.

Pertama, selalu membaca dengan betul kerana sesungguhnya membaca Al-Quran setentunya merupakan permulaan petanda yang menunjukkan kita mendampingi dan menjadi sahabatnya. Justeru itu, kita dituntut agar membacanya dengan betul dan secara *tartil*. *Tartil* atau menurut pengertiannya membaca secara perlahan-lahan, tidak tergesa-gesa ataupun gopoh dan hendaklah membacanya dengan terang, teratur, jelas dan betul. Ini jelas dengan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Muzzammil ayat 4, tafsirnya : *"Dan bacalah Al-Quran secara tartil (teratur dan jelas). Tujuan ini menurut Imam al-Ghazali adalah bukan semata-mata untuk merenung maksud akan tetapi lebih menunjukkan rasa sopan dan hormat terhadap Al-Quran dan akan mendatangkan kesan yang lebih mendalam dalam jiwa umat Islam daripada membacanya secara tergopoh-gapah dan tergesa-gesa."*

Kedua, kita sedar ganjaran membaca Al-Quran adalah sangat besar. Namun janganlah dijadikan ia sebagai sasaran utama dalam niat kita. Ia boleh memberi motivasi, namun jangan lupa bahawa matlamat kita sebenar adalah untuk *tadabbur* atau memahami, menjiwai mesej sebenar Al-Quran dan mengamalkannya di mana perkara ini adalah sesuatu yang lebih penting dan membawa ganjaran yang lebih besar. Inilah satu kemestian setiap umat Islam iaitu untuk meneliti dan memahami kandungan ayat-ayatnya agar dapat dijadikan pengajaran dan amalan dalam kehidupan.

Ketiga, setiap kali membaca Al-Quran, kita mestilah membetulkan niat dan tujuan kita, iaitu dengan tujuan menerima petunjuk daripada Allah, agar lebih dekat dengan-Nya dan mendapat keredaan-Nya. Jadikan membaca Al-Quran sebagai satu motivasi untuk menjadi lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Niat kita juga seharusnya terarah kepada mencari keredaan Allah dengan memfokuskan hati, minda dan masa, sepenuhnya untuk petunjuk dan hidayah yang telah diturunkan-Nya.

Keempat, jangan menghadkan penggunaan Al-Quran hanya untuk penyembuhan kesakitan fizikal, mendapatkan ketenangan jiwa dan membebaskan diri daripada kemiskinan. Perkara ini bukanlah dihalang, tetapi jika hanya itulah niat kita, hanya itulah yang kita akan dapat. Alangkah ruginya.

Kelima, sentiasa mendengar bacaan Al-Quran sepertimana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 204, tafsirnya : *"Dan apabila Al-Quran itu dibacakan maka dengarkanlah (dengan teliti) serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat. Melalui mendengar bacaan Al-Quran, ia membuatkan si pendengar memperoleh pelbagai kelebihan dan kebaikan sekali gus menambah, memperkukuhkan keimanan, menjadi hiburan perasaan yang sedih dan melembutkan hati yang keras."*

Justeru itu, marilah kita menghayati dan menterjemahkan ajaran Al-Quran dalam kehidupan seharian kita. Dengan menanam sifat tersebut maka akan lahirlah masyarakat dan generasi yang celik Al-Quran. Sesungguhnya masyarakat yang celik Al-Quran akan dilimpahi hidayah keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Pelajar cemerlang PSR 2016 PGGMB terima anugerah

YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad (tengah, lima dari kiri) semasa bergambar ramai bersama pelajar-pelajar cemerlang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2016.

Berita dan Foto : Ihsan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2016.

Majlis telah berlangsung di Bangunan PGGMB Bandar Seri Begawan, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad.

Seramai 27 pelajar PGGMB berjaya memperolehi 5A. Antara yang hadir, guru-guru besar, guru-guru dan ibu bapa pelajar.

Tiga buah sekolah PGGMB berjaya mencapai 100 peratus lulus, iaitu Sekolah PGGMB Sungai Akar, Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak dan Sekolah Tunas Jaya PGGMB Kuala Belait.

Manakala Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang berjaya mencapai 90 peratus lulus.

Sekolah-sekolah PGGMB juga mencapai purata 95 peratus lulus Gred 'A' - 'C', khususnya dalam mata-mata pelajaran Bahasa Melayu, English, Science dan MIB.

Dua pelajar terpilih menerima Anugerah Pelajar Tunas Harapan PGGMB 2016 iaitu, Awang Mohammad Faiz bin Haji Ariffin dari Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak dan Dayang Nur Amira Safura binti Awang Adam dari Sekolah PGGMB, Sungai Akar.

Para pelajar ini juga menerima sumbangan hadiah dari Bank Islam Brunei Darusalam (BIBD) berbentuk akaun simpanan kewangan.

Majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian sumbangan penghargaan kepada dua orang bekas Ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB yang menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB.

Elak perkara menjejaskan pembelajaran anak

PENGETUA Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), Dayangku Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md. Tahir (kiri) menyampaikan taklimat pada Majlis Taklimat dan Pendaftaran Pelajar Baharu Tahun 5.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ammar Asyraaf Haji Suhaimi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Para ibu bapa dinasihatkan sentiasa memantau pembelajaran anak-anak mereka di rumah dan jangan leka dengan alat permainan *(games)* dan telefon pintar atau sebagainya yang boleh menjejaskan pembelajaran mereka.

Pengetua Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIPAD), Dayangku Hajah Radiah binti Pengiran Haji Md. Tahir menegaskan perkara demikian semasa Majlis Taklimat dan Pendaftaran Pelajar Baharu Tahun 5 di Dewan Sekolah SUAMPRIPAD.

Dayangku Hajah Radiah dalam taklimatnya seterusnya menekankan para ibu bapa diharap, agar dapat memahami persekitaran pembelajaran anak-anak mereka di sekolah tersebut menyokong supaya anak-anak mereka mematuhi peraturan dan disiplin sekolah.

"Di samping itu juga, ibu bapa hendaklah sentiasa mengingati dan mengarahkan anak-anak abiskita untuk mengerjakan sembahyang," tegasnya lagi.

Antara inti pati taklimat selain menerangkan peraturan-peraturan sekolah, beliau juga menjelaskan misi SUAMPRIPAD antaranya membentuk pelajar yang berpendidikan dengan menyalurkan ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi bagi mendukung kemajuan negara dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

Seramai 336 pelajar Tahun 5 akan memulakan pengajian di SUAMPRIPAD dan dibahagikan kepada 12 buah kelas pada tahun ini.

Sementara itu, Guru Kanan Akademik 2, Dayang Hajah Ianthi binti Haji Ismail semasa ditemui berkata, dari segi pembelajaran pelajar yang baru memasuki sekolah itu, mereka juga menitikberatkan subjek-subjek akademik mengikut *syllabus* dari Kementerian Pendidikan.

Pihak sekolah katanya, juga mementingkan subjek-subjek ugama Arab dan Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam (JPI) antaranya menyediakan buku-buku teks mata pelajaran Al-Quran, bahasa Arab, Tarbiyah Diniyah bagi pelajar peringkat rendah.

Dayang Hajah Ianthi juga menyatakan, pihak mereka akan sentiasa memantau pelajar-pelajar baharu agar mereka dapat membiasakan diri dengan waktu dan persekitaran sekolah tersebut.

Mengenai pencapaian akademik sekolah, beliau seterusnya berkata keputusan peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun lepas mencapai 100 peratus lulus dan telah mencapai sasaran JPI dengan 97 peratus pelajar berjaya memperolehi Gred 'A' hingga 'C'.

Harapan sekolah pada masa akan datang tambahnya, memang untuk mempertingkatkan lagi pencapaian keputusan akademik pelajar dan memastikan para pelajar cemerlang dalam subjek akademik dan juga ugama.

"Alhamdulillah kami sentiasa mendapat sokongan dari guru dan juga ibu bapa untuk meningkatkan lagi prestasi pelajar walaupun peperiksaan bersijil ataupun peperiksaan di peringkat sekolah," ujarnya.

Juga hadir, pegawai-pegawai dan guru-guru SUAMPRIPAD serta para ibu bapa dan penjaga pelajar baharu Tahun 5.

GURU Kanan Akademik 2, SUAMPRIPAD, Dayang Hajah Ianthi binti Haji Ismail semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

SEBAHAGIAN pelajar baharu Tahun 5 yang akan memulakan pembelajaran mereka di SUAMPRIPAD.

Di mana tempat tinggal bagi isteri yang berkabung?

KELUARAN KEDUA

Penyediaan Tempat Tinggal Sepanjang Berkabung

SEMASA ber*ihdad* (berkabung), di samping larangan-larangan tertentu yang wajib dihindari oleh isteri yang kematian suaminya seperti berhias dan berwangi-wangian, terdapat juga beberapa perkara yang diwajibkan ke atas isteri mematuhinya sepanjang berkabung. Antaranya ialah tetap tinggal di rumah yang disediakan oleh suami ketika berlakunya perpisahan (kematian).

Ini kerana menurut pendapat *al-azhhar,* perempuan (isteri) yang kematian suami dan tidak berlaku *nusyuz* adalah diwajibkan untuk disediakan tempat tinggal sehinggalah berakhir tempoh *'iddah*nya serta diperuntukkan bayaran tempat tinggal atau rumah tersebut. Peruntukan bayaran tersebut pula diambil daripada harta pusaka (suami) sekiranya ada. Malahan peruntukan bayaran untuk tempat tinggal atau rumah daripada harta pusaka suami untuk isteri yang berkabung adalah didahulukan berbanding hutang-hutang yang masih tertanggung ke atas suami.

Apa yang dimaksudkan dengan rumah atau tempat tinggal di sini ialah suami mempunyai hak (*mustahiq*) ke atas rumah itu, sama ada rumah itu dimiliki atau disewa oleh suami, ataupun rumah yang dipinjamkan atau diwasiatkan kepadanya serta rumah kediaman tersebut adalah layak (bersesuaian) bagi isteri. Kewajipan menyediakan tempat tinggal bagi isteri yang kematian suami agar dia tinggal di dalamnya sepanjang tempoh menjalani *'iddah*, iaitu tempoh berkabung, adalah sama seperti kewajipan menyediakan tempat tinggal bagi isteri yang ber*'iddah* kerana perceraian. Isteri yang ber*'iddah* adalah diwajibkan menjalani tempoh *'iddah*nya ketika berlakunya perpisahan (perceraian) antaranya dan suaminya di tempat atau rumah kediaman yang disediakan oleh suami.

Dalil dalam perkara ini adalah berdasarkan sebuah riwayat bahawa suami kepada Al-Furai'ah binti Malik, iaitu saudara perempuan kepada Abu Sa'id al-Khudri Radhiallahuanhu, telah terbunuh. Furai'ah bertanya dan meminta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adakah boleh dia pulang kepada ahli keluarganya (Furai'ah) daripada Bani Khudrah. Furai'ah juga menyatakan bahawa suaminya itu tidak meninggalkan tempat tinggal atau rumah yang dimiliki sendiri oleh suami serta tiada nafkah bagi dirinya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberi keizinan kepadanya untuk pulang kepada ahli keluarganya. Apabila mendapat keizinan tersebut, Furai'ah pun beredar (meninggalkan Baginda) sehinggalah dia tiba di satu kawasan halaman atau berdekatan masjid, terdengar olehnya dia dipanggil oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda bertanya sekali lagi akan keadaan Furai'ah, lalu dia menceritakan semula mengenai kisah suaminya itu. Lalu Baginda bersabda :

Maksudnya : *"Tetaplah kamu tinggal di rumahmu (di tempat engkau berada) sehingga selesai tempoh 'iddah yang telah ditetapkan syarak ke atasmu."*

Al-Furai'ah berkata : "Aku ber'iddah (dengan 'iddah isteri yang kematian suami) di dalam rumah tersebut selama 4 bulan sepuluh hari."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan Abu Daud)

Dalam hadis di atas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberikan keizinan kepada Furai'ah untuk tetap tinggal dalam rumah yang dia berada semasa suaminya meninggal dunia sedangkan rumah tersebut adalah milik orang lain. Besar kemungkinan Baginda memerintahkan sedemikian kerana Baginda mendapat tahu bahawa pemiliknya telah bermurah hati membenarkan.

Berpindah Atau Keluar Daripada Rumah Kediaman Semasa Berkabung

Suami yang mempunyai hak atas suatu rumah kediaman ketika dia meninggal dunia, seperti rumah yang dimilikinya, atau suami masih mempunyai hak atas manfaat rumah yang disewa, atau yang dipinjamkan atau diwasiatkan kepadanya, dan rumah tersebut layak dan boleh didiami oleh isteri, maka hendaklah isteri tetap tinggal di rumah tersebut sehingga berakhir tempoh *'iddah*nya. Dari itu, isteri tidak boleh keluar atau berpindah daripada rumah kediaman tersebut dengan keputusannya sendiri ataupun dengan bermuafakat atau membuat persetujuan yang membolehkan isteri berpindah dari rumah tersebut. Begitu juga, ahli waris suami atau selainnya tidak boleh mengeluarkan isteri yang sedang ber*ihdad* (berkabung) dari rumah tersebut melainkan kerana suatu keuzuran atau sebab. Firman Allah Ta'ala dalam perkara ini.

Tafsirnya : *"Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah tempat kediaman mereka dan janganlah pula mereka keluar (sehingga selesai 'iddah mereka) kecuali jika mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan demikianlah hukum-hukum Allah (maka janganlah kamu melanggarnya). Dan sesiapa yang melanggar hukum-hukum Allah itu maka sesungguhnya dia telah menganiaya dirinya sendiri. (Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan sesudah itu sesuatu perkara (yang lain)."*

(Surah at-Thalaq : 1)

Sekiranya semasa berlaku perpisahan disebabkan kematian suami, isteri sedang berada di suatu tempat atau rumah kediaman yang suaminya tidak memberi keizinan kepada isteri untuk berada di situ, umpamanya isteri telah berpindah daripada rumahnya yang pertama ke rumah yang kedua sedangkan suami tidak memberi keizinan kepada isteri untuk tinggal di rumah kedua itu, maka hendaklah isteri kembali semula ke rumah yang pertama tadi untuk ber*'iddah* dan berkabung di rumah yang pertama. Malahan dihukumkan isteri sebagai derhaka sekiranya tetap berada di rumah yang kedua.

Sebaliknya, sekiranya perpindahan isteri ke rumah yang kedua itu telah mendapat keizinan daripada suami, lalu setelah itu berlaku perpisahan (kematian suami), maka isteri tersebut wajib ber*'iddah* dan berkabung di rumah yang kedua, sekalipun rumah tersebut adalah lebih jauh berbanding rumah yang pertama.

Isteri yang sedang ber*'iddah* kematian suami adalah dibolehkan untuk keluar pada siang hari dan juga pada malam hari kerana hajat untuk memenuhi keperluan seharian bagi dirinya dan juga anak-anaknya, lebih-lebih lagi jika tiada sesiapa yang boleh memedulikan dan melaksanakan perkara ini bagi si isteri, dengan syarat-syarat tertentu dan mengikut adat kebiasaan. Demikian juga, harus dia keluar daripada rumah ke rumah jiran yang berdekatan untuk berbual-bual dan seumpamanya mengikut kadar adat atau kebiasaan. Bagaimanapun isteri dilarang untuk keluar daripada rumah kediaman dan meninggalkannya terus, umpamanya dia keluar dan tidak kembali semula pada waktu malam, melainkan dengan sebab-sebab tertentu. Begitu juga, dilarang ke atasnya untuk tinggal di tempat lain seperti bermalam di rumah jiran perempuan, kerana perbuatan ini merupakan dosa besar.

Selain daripada itu, dalam keadaan darurat, umpamanya dikhuatiri atau ditakuti atas diri isteri tersebut, atau ke atas anaknya atau ke atas harta, sekalipun harta tersebut adalah milik orang lain yang diamanahkan kepada isteri, akan berlaku kebinasaan, seperti keruntuhan, ditenggelami air atau pencuri atau ditakuti terjadi syak atau tohmah atas diri isteri itu sekiranya dia berterusan tinggal di dalam rumah tersebut, maka adalah harus bagi isteri untuk berpindah daripada rumah kediaman tersebut disebabkan keadaan darurat. Bahkan diwajibkan isteri berpindah ke tempat lain jika diyakini terjadi fitnah, umpamanya ke atas kehormatan isteri.

Demikian juga, dalam keadaan isteri tidak boleh tetap atau tidak boleh berterusan tinggal di rumah tersebut, seperti rumah yang terikat dengan gadaian dan telah pun dijual disebabkan hutang yang tidak boleh dilunaskan (dibayar), sedangkan pembeli rumah tersebut tidak reda untuk si isteri tinggal di dalamnya dengan harga sewa yang sebanding (*mitsli*), iaitu suatu kadar yang dibuat penilaiannya oleh pakar atau ahli. Dalam keadaan seperti ini, si isteri dibolehkan berpindah daripada rumah tersebut ke tempat lain.

Menurut pendapat *al-muktamad*, sekiranya isteri berpindah daripada rumah kediaman kepada rumah yang lain, maka wajib dia berpindah ke tempat yang paling dekat dengan rumah yang sedia ada pada masa ini dan ditegah dia berpindah kepada rumah yang lebih jauh dengan adanya rumah yang lebih dekat.

Suami Tidak Meninggalkan / Mempunyai Harta Pusaka

Dalam keadaan suami tidak meninggalkan sebarang harta pusaka, tidak wajib bagi isteri disediakan tempat tinggal. Bagaimanapun sekiranya ahli waris (pewaris) ataupun selain ahli waris *bertabarru'* atau bermurah hati menyediakan tempat tinggal, maka isteri yang ber*'iddah* wajib menerimanya (tawaran *tabarru'*). Ini kerana tujuan ahli waris ber*tabarru'* dalam bentuk tempat tinggal adalah untuk menjaga benih suami yang meninggal dunia jika terjadi kehamilan.

Sekiranya tiada harta pusaka dan tiada sesiapa yang ber*tabarru'* menawarkan tempat tinggal, maka isteri tersebut boleh tinggal di mana sahaja mengikut kehendaknya. Bagaimanapun adalah sunat bagi sultan, qadhi atau imam memberikan isteri tersebut dan memperuntukkan tempat tinggal daripada Baitul Mal, kerana menjaganya daripada tohmahan (dicurigai).

Mengabaikan Dan Meninggalkan Berkabung (*Ihdad*)

Seorang isteri yang mukallaf, sempurna (*kamilah*) dan mengetahui hukum kewajipan ber*ihdad* (berkabung), mengabaikan dan meninggalkan berkabung yang telah diwajibkan dan ditetapkan oleh syarak ke atasnya, sama ada mengabaikan keseluruhan tempoh berkabung (tidak menjalani *ihdad*) atau sebahagiannya, umpamanya isteri meninggalkan rumah kediaman yang wajib didiaminya tanpa sebarang keuzuran, telah melakukan dosa besar dan dihukumkan berdosa. Sungguhpun demikian, tempoh berkabung bagi isteri yang meninggalkan atau mengabaikan perintah berkabung tetap akan tamat atau berakhir mengikut tempoh yang ditetapkan, dan dia berdosa disebabkan mengabaikan perintah berkabung.

Isteri yang kurang sempurna *(naqishah*) seperti isteri yang masih kecil dan yang kurang sempurna akalnya (gila), wali adalah diwajibkan untuk memastikan isteri tersebut berkabung serta dihukumkan walinya berdosa jika isteri tersebut mengabaikan berkabung sedangkan wali tidak menegahnya.

Dalam situasi yang lain, sekiranya isteri meninggalkan berkabung dengan tidak disenghajakan, seperti isteri yang tidak mengetahui mengenai kematian suami dan khabar mengenainya hanya sampai kepada isteri ketika telah berlalu tempoh berkabungnya tanpa si isteri berkabung, iaitu setelah berlalu empat bulan sepuluh hari daripada hari kematian suaminya, maka tempoh berkabungnya telah pun tamat dan berakhir tanpa perlu memulakan yang baru atau menggantikannya.

Kesimpulannya, menurut *fuqaha',* seorang isteri yang kematian suami wajib diperuntukkan baginya tempat tinggal sepanjang tempoh *'iddah* dan berkabung (*ihdad*) berdasarkan hadis sahih. Ini kerana penyediaan tempat tinggal adalah ketentuan (*haq*) Allah Ta'ala. Sekiranya semasa berlakunya perpisahan antara isteri dengan suaminya, yakni semasa kematian suami, isteri tinggal di rumah milik suaminya, maka hendaklah isteri tetap atau berterusan tinggal di rumah tersebut sepanjang dalam tempoh '*iddah*nya dan tempoh berkabung. Oleh itu, isteri tidak boleh berpindah daripada rumah tersebut, sama ada dengan keputusan atau kehendaknya sendiri ataupun dia dipindahkan keluar oleh ahli waris ataupun dengan persetujuan terdahulu antara isteri dan suami atau ahli waris atau selainnya, melainkan atas sebab-sebab tertentu yang digariskan oleh syarak.

٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته دأتس تختا

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Jubli Perak pada 5 Oktober 1992

DENGAN penuh khusyuk dan tawaduk, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, maka dapatlah istiadat yang bersejarah ini dilangsungkan di dalam suasana yang aman dan penuh selesa.

Beta lebih dahulu sukacita mengalu-alukan paduka-paduka kekanda dan paduka-paduka adinda raja-raja Melayu, tetamu-tetamu khas beta, sama ada yang datang daripada jauh mahupun dekat dan juga sekalian para jemputan yang budiman. Dengan kehadiran mereka itu, menambahkan lagi kemeriahan dan seri Sambutan Jubli Perak beta ini.

Demikian juga dalam kesempatan ini, beta ingin menyatakan penghargaan serta ucapan terima kasih beta kepada semua pihak yang telah sudi mengutus perutusan-perutusan ucap selamat dan lebih-lebih lagi kepada paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Wahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah di atas sabda kesyukuran dan ikrar bagi pihak orang-orang bergelar dan pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam.

Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran-Nya kepada semua pihak di atas ingatan baik mereka itu bagi menjayakan perayaan ini.

Mengimbas kembali masa 25 tahun yang lalu, beta masih teringat dan bahkan terharu dengan keputusan paduka ayahanda beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang turun daripada takhta dengan kehendak baginda sendiri, semata-mata bagi membolehkan beta diangkat menjadi sultan menggantikan baginda. Peristiwa ini sangatlah luar biasa dan bahkan sangat menggemparkan, kerana ianya sungguh tidak diduga oleh sesiapa pun.

Walau bagaimanapun, dengan berbekalkan kepercayaan serta restu daripada paduka ayahanda beta, dan juga Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, pembesar-pembesar, pegawai-pegawai kerajaan serta rakyat jelata sekalian, maka beta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala telah dengan sedaya upaya beta menerima dan berusaha pada menjalankan amanah yang berat ini, dengan azam akan terus melanjutkan dasar-dasar paduka ayahanda beta, khasnya dalam hal ehwal memelihara keamanan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan kemakmuran negara, serta juga dengan kuatnya akan memegang dan memuliakan Islam sebagai agama rasmi yang menjadi anutan dan amalan turun-temurun kepada raja-raja, pembesar-pembesar dan rakyat jelata.

Beta bersyukur, bahawa dengan izin Allah dan dengan berkat muafakat serta nasihat daripada pembesar-pembesar negara, dan lebih-lebih lagi dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada kalangan rakyat sekalian, maka dalam masa 25 tahun pemerintahan beta, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun.

Memanglah dalam masa yang panjang itu, banyak cabaran dan liku-liku yang mesti kita tempuh. Tetapi alhamdulillah, semuanya itu telah berjaya kita lalui dengan cara dan stail kita yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati.

Sejarah bangsa dan negara yang panjang telah menjadikan kita suatu bangsa yang gigih lagi berupaya, iaitu berupaya bagaimana hendak mengharungi masa depan kita dengan mengutamakan perpaduan di antara raja dan rakyat. Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negara kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tiada perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun ada terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat kita urus dan selesaikan berdasarkan semangat muafakat dan persefahaman yang ikhlas.

Semua ini jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.

Jadi dari bukti yang ringkas ini, adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa "sistem pemerintahan beraja" yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam.

Bagi kita hubungan raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi juga dijalin oleh tanggungjawab secara timbal-balik, dalam makna sama-sama menunaikan amanah Allah Ta'ala menurut batas-batas yang diredai-Nya.

Kerana itu beta berdoa, mudah-mudahan apa yang sedang kita nikmati ini akan berkekalan dengan izin Allah menjadi kebanggaan kita semua dan juga generasi yang akan datang.

Di arena antarabangsa pula, kita adalah mengamalkan dasar terbuka untuk mengadakan hubungan berbaik-baik dengan sesiapa sahaja, sama ada dengan rakan-rakan terdekat seperti ASEAN ataupun yang jauh, iaitu berdasarkan prinsip dan semangat hormat-menghormati serta tidak campur tangan terhadap hal ehwal negara masing-masing.

Dengan prinsip ini kita mendapat kawan dan sahabat dan dengan prinsip ini juga kita turut membela hak-hak kemanusiaan, sebagaimana kejadian di Bosnia-Herzegovina yang turut kita kesali dan kutuk itu.

Kita telah mengetahui bahawa orang-orang Islam di sana ditindas dan dianiaya, maka dasar kita ialah membantah kezaliman itu sambil turut menyumbangkan sedikit bantuan.

Kerajaan beta telah pun menetapkan kadar bantuannya, di samping orang ramai pula masih lagi terus menderma sampai sekarang. Di saat yang bersukut baik serta sambil kita bersyukur dan bergembira menyambut Jubli Perak beta ini, maka beta dengan segala rendah hati dan semata-mata kerana Allah jua, akan turut menyumbangkan sedekah peribadi atau "derma khairat" beta kepada Tabung Kesengsaraan Orang-Orang Islam Bosnia sebanyak sejuta ringgit Amerika.

Buat akhirnya, beta adalah tidak lupa merakamkan penghargaan kepada semua peringkat jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan untuk merancang dan menjayakan perayaan Sambutan Ulang Tahun Ke-25 beta menaiki takhta.

Demikian juga penghargaan yang sama dan bahkan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk, pembesar-pembesar negara dan pemimpin-pemimpin masyarakat di atas sokongan dan taat setia mereka kepada beta dan kerajaan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberkati dan melimpahkan rahmat serta hidayat-Nya kepada kita semua, amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta meriah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TARIKH 5 Oktober 1992 negara menyaksikan satu lagi peristiwa penuh adat istiadat dan gilang-gemilang. Bandar Seri Begawan dipenuhi dengan rakyat jelata bagi menyaksikan payung negara yang dicintai diarak mengelilingi bandar berkenaan semasa berlangsungnya Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan Sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Akhbar rasmi Pelita Brunei keluaran Rabu, 7 Oktober 1992 telah mencatatkan berita bagi majlis berkenaan yang juga merupakan warisan turun-temurun serta menjadi kebanggaan negara.

Dengan menaiki Usungan Diraja, baginda bersemayam di atas Pataratna dan diarak di sepanjang jalan yang dilalui iaitu Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty dan Jalan Stoney di mana lebih 39 ribu pegawai dan kakitangan kerajaan dan syarikat swasta berbaris bagi sama-sama memeriahkan dan menyaksikan dengan lebih dekat perarakan yang begitu jarang disaksikan.

Sementara itu, Pelita Brunei juga mencatatkan bahawa perayaan sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta bermula dengan Istiadat Kawalan Kehormatan dan Istiadat Mengadap di Istana Nurul Iman. Menurut laporan berita tersebut, sebelum berangkat masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana, Kebawah DYMM berkenan menerima 'hormat diraja' yang diiringi dengan tembakan meriam sebanyak 21 das di pekarangan Istana Nurul Iman. Setelah itu, Kebawah DYMM dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 400 anggota gabungan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Sejurus selesai, baginda sekali lagi menerima 'hormat diraja' dan kemudiannya berangkat beredar ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Istiadat Mengadap.

Semasa Istiadat Mengadap, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah yang antara lain menyatakan dengan berkat muafakat serta nasihat daripada pembesar-pembesar negara, dan lebih-lebih lagi dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada kalangan rakyat sekalian, maka dalam masa 25 tahun pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun.

Titah baginda lagi, banyak cabaran dan liku-liku yang mesti kita tempuh dalam masa yang panjang itu. Tetapi alhamdulillah, titah baginda lagi semuanya itu telah berjaya dilalui dengan cara dan stail kita yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati.

Menyentuh mengenai sistem pemerintahan beraja, Kebawah DYMM bertitah, sistem berkenaan yang diamalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.

Kehidupan aktif, produktif kunci kekal sihat

Oleh : Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Kementerian Kesihatan
Terjemahan dari teks asal dalam Bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan

USIA emas merupakan suatu pencapaian! Setiap tahun adalah satu keistimewaan dan kita semua harus berbangga kerana dapat hidup lebih lama dengan kehidupan yang lebih sihat. Di Negara Brunei Darussalam, kini dimeriahkan dengan kehadiran semakin ramai warga emas dalam kalangan masyarakat kita yang aktif dan mampu memberikan sumbangan yang bernilai kepada keluarga dan masyarakat di seluruh negara.

Mencapai usia emas adalah suatu rahmat tetapi ini tidak bermakna bahawa ia tidak datang tanpa cabaran baharu. Apabila kita semakin tua, kekuatan otot dan badan kita akan semakin menurun dan risiko penyakit tertentu semakin meningkat.

Hari ini, banyak kemajuan dalam bidang perubatan dan saintifik, manusia hidup lebih lama berbanding sebelum ini. Tetapi perlu diingat, kita tidak hanya secara automatik hidup lebih lama. Awda perlu menjaga tubuh badan, minda dan jiwa kita dengan baik. Berikut adalah sembilan tip permulaan yang baik untuk mendapatkan dan menjalani kehidupan yang panjang dan sihat.

Petua 1 : Makan makanan yang seimbang

Diet yang seimbang terdapat dalam buah-buahan, sayur-sayuran, bijirin penuh, serat dan lemak rendah tepu, lemak trans dan kolesterol. Diet yang seimbang membekalkan badan awda dengan nutrien penting yang diperlukan untuk mencapai dan mengekalkan kesihatan optimum. Dalam keadaan tertentu, awda mungkin perlu untuk mengambil makanan tambahan.

Petua 2 : Hidup yang aktif

Senaman yang kerap adalah antara kunci kepada kejayaan fizikal dan mental. Hidup yang aktif membantu mengekalkan kecergasan dan memberi kebebasan untuk pergi ke mana saja dan melakukan aktiviti awda sendiri. Senaman yang kerap bukan saja boleh mencegah malah membebaskan kita daripada pelbagai keadaan kronik biasa, antaranya seperti penyakit jantung, kencing manis, kemurungan dan artritis.

Cuba lakukan sekurang-kurangnya 30 minit aktiviti setiap hari. Banyak pilihan; Mulai berjalan pada waktu pagi, menyertai kelas yoga, berjoging dengan rakan atau berkebun pada waktu petang. Pastikan awda memilih aktiviti-aktiviti yang awda suka, dengan cara itu awda akan lebih cenderung untuk menjadikannya sebagai rutin atau kebiasaan harian.

Petua 3 : Dapatkan pemeriksaan pencegahan rutin

Berjumpa doktor awda secara berkala. Ingat, doktor awda adalah rakan awda dalam penjagaan kesihatan. Awda sama-sama sedang berusaha ke arah matlamat kesihatan optimum. Dengan pemeriksaan secara berkala, awda mungkin dapat mengesan masalah kecil sebelum ia menjadi masalah besar. Melakukan pemeriksaan pergigian dan mata juga adalah penting.

Petua 4 : Elakkan merokok

Merokok adalah punca nombor satu kematian yang boleh dicegah. Ia tidak pernah terlambat untuk berhenti. Badan awda akan mula merasakan manfaat serta-merta. Selepas satu hari berhenti merokok, risiko mendapat serangan jantung menurun. Elakkan daripada perokok pasif kerana mereka juga penyumbang kepada penyakit yang serius bukan sahaja kepada awda, tetapi kepada orang-orang di sekeliling awda.

Petua 5 : Pastikan keselamatan

Gunakan akal fikiran dan keputusan bijak. Mengutamakan keselamatan dalam pelbagai cara termasuk; Sentiasa memakai tali pinggang keledar awda; Jangan melakukan aktiviti berlari atau berjalan bersendirian terutama pada waktu malam bagi mengurangkan potensi risiko seperti serangan penyakit yang tidak dapat diramalkan atau kecurian; Gunakan ubat-ubatan dengan bijak. Ikut arahan dan bertanya kepada doktor awda tentang kesan-kesan sampingan dan interaksi ubat; dan akhirnya, menjaga keselamatan di dalam rumah awda. Pastikan tidak ada barang-barang (seperti wayar longgar atau membuang permaidani) yang boleh menyebabkan awda jatuh.

KEKAL sihat dan melakukan yang terbaik adalah penting pada semua peringkat umur dan tidak perlu berubah hanya kerana kita telah berusia. Apabila kita semakin tua, kita mengalami pelbagai perubahan penting dalam kehidupan, termasuk perubahan kerjaya dan bersara, anak-anak meninggalkan rumah, kehilangan orang tersayang dan perubahan fizikal. Kehidupan aktif dan produktif akan membantu kita mengendalikan dan berkembang daripada perubahan ini dan ia adalah kunci untuk kekal sihat.

Petua 6 : Elakkan persekitaran yang ekstrim

Melindungi kulit awda apabila awda berada di luar dengan menggunakan pelindung matahari (SPF) sekurang-kurangnya 15. Cuba elakkan diri daripada terlalu banyak terdedah kepada matahari dan berpakaian yang sesuai mengikut cuaca.

Petua 7 : Memupuk hubungan

Kenali jiran-jiran awda. Ambil masa untuk terlibat dengan komuniti awda. Dengan mewujudkan rangkaian sosial yang rapat, awda akan mempunyai rakan-rakan untuk meraikan setiap perkara yang baik dan saling memberikan sokongan dalam masa yang sukar.

Saling berhubungan seperti yang disarankan semasa perasmian Majlis Ilmu tahun lepas, di mana salah satu cara untuk mencapai faedah kehidupan kita di dunia dan akhirat adalah dengan mengekalkan hubungan yang baik dengan Allah dan antara sesama manusia. Jangan lupa untuk hubungi rakan-rakan yang mungkin terasing atau merasa kesepian.

Petua 8 : Kekal positif

Kajian telah menunjukkan bahawa orang yang mempunyai sikap yang positif cenderung untuk hidup lebih lama dan menjalani kehidupan yang lebih sihat dan lebih bahagia. Elakkan bertindak sendirian. Cuba bersabar dan bersikap humor dalam kehidupan. Sebagai pesakit, ketawa adalah salah satu ubat yang terbaik. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa ketawa boleh membuat awda berasa lebih sihat. Tidak perlu kajian untuk membuktikannya. Hanya ketawa, dan awda akan tahu ia adalah benar.

Petua 9 : Usia tua adalah rahmat, bersyukur itu

Warga emas dan mereka yang berumur dilihat sebagai sumber maklumat dan pengalaman yang berharga dan bukannya dilihat sebagai halangan. Malik bin Al-Huwayrith meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkata : *"Apabila masuk waktu solat, salah seorang daripada kamu akan melaungkan Azan dan yang lebih tua daripada kamu akan menjadi imam."* (Riwayat Al-Bukhari). Ini menunjukkan usia tua bukanlah halangan, tetapi sebaliknya, sebagai suatu penghormatan dan aset.

Kekal sihat dan melakukan yang terbaik adalah penting pada semua peringkat umur dan tidak perlu berubah hanya kerana kita telah berusia. Apabila kita semakin tua, kita mengalami pelbagai perubahan penting dalam kehidupan, termasuk perubahan kerjaya dan bersara, anak-anak meninggalkan rumah, kehilangan orang yang tersayang dan perubahan fizikal. Kehidupan aktif dan produktif akan membantu kita mengendalikan dan berkembang daripada perubahan ini dan ia adalah kunci untuk kekal sihat.

Program Sua Muka tingkatkan hubungan kerajaan dan rakyat

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 10 Januari. - Selaras dengan peranan sebagai jentera kerajaan dalam memeduli kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini, Jabatan Penerangan telah mengungkayahkan Program Sua Muka yang merupakan salah satu program di bawah strategi kerja jabatan, iaitu Komunikasi Bersemuka, yang dihasrat untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat.

Program itu merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.

Ia juga untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Sehubungan itu, program tersebut telah diadakan di kediaman Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar, di sini.

Kunjungan itu merupakan salah satu aktiviti berterusan Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dalam usaha untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Rombongan Jabatan Penerangan telah dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Majlis Perundingan Mukim (MPM) serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Belait dan Kampung Pandan 'B', sementara rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan disertai oleh pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan.

Melalui program berkenaan, jabatan telah memperkenalkan dan membarigakan penggunaan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Paper Pelita Brunei dan Pelita Brunei *online* termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei.

Penggunaan bendera, *banner* dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Ketika ditemu bual Pelita Brunei, Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik berkata, beliau berpuas hati dengan kunjungan serta sangat-sangat menyambut baik tujuan yang membawa misi serta visi Jabatan Penerangan yang mengungkayahkan program menjurus kepada pemedulian baik pemantauan terhadap masyarakat dan menyarankan agar usaha-usaha seumpama itu supaya diteruskan agar misi dan visi kekal mantap.

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (duduk, dua dari kanan) bersama Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar (duduk, dua dari kiri) serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam sesi bergambar ramai sejurus selepas Program Sua Muka.

Program itu penting dilaksanakan secara berterusan, dengan berdudun menyusur mukim dan kampung, para pegawai jabatan tersebut dapat berdialog dengan pemimpin akar umbi di samping menerima maklumat terkini mengenai kerajaan.

Antara yang dikongsikan pada kunjungan itu adalah cadangan-cadangan yang berkaitan dengan penambahbaikan dan pemeliharaan prasarana, kecemasan, pelancongan, alam sekitar dan kebajikan dalam sama-sama membantu penduduk kampung untuk mengetahui, memahami dan menghayati maklumat-maklumat penting lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013, keusahawanan dan sebagainya, satu program, iaitu Program Masyarakat Maklumat juga dikongsikan kepada ahli MPM dan MPK sebagai landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan dan penduduk mukim dan kampung.

Melalui program seumpama itu juga akan dapat memberikan peluang kepada para penduduk kampung menyuarakan masalah dan pendapat, maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan, bukan sahaja melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan malah juga melalui lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program yang menjurus ke arah mendekati orang ramai secara bersua muka masih relevan di zaman yang serba canggih ini kerana ia lebih bersifat *personal* dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Dengan adanya hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara. Ini sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam hidupan bermasyarakat.

Jabatan Penerangan juga mempunyai laman media sosial dan orang ramai serta penduduk negara ini boleh mengikuti Facebook Jabatan Penerangan : *Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri*, akaun Twitter : *@infodept_bn* dan akaun Instagram : *@infodept.bn*.

JABATAN Penerangan semasa memperkenalkan dan membarigakan penggunaan versi digital Pelita Brunei, iaitu e-Paper Pelita Brunei dan Pelita Brunei *online* termasuk tatacara untuk memuat turun e-Paper Pelita Brunei.

JPD bukakan RFP bagi ITS dan sistem tiket

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mempelawa syarikat-syarikat yang berminat dalam dan luar negara untuk mendapatkan, membekal, memasang, komisen, menyenggara dan menguruskan Sistem Bas Pengangkutan Pintar [ITS] dan Sistem Tiket untuk perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam.

Jemputan adalah sempena RFP untuk menyediakan perkhidmatan bas awam untuk Brunei Muara dan daerah-daerah lain yang telah dikeluarkan oleh JPD kepada syarikat-syarikat yang dijemput dan berminat pada 27 Disember 2016.

RFP adalah untuk mengusahakan, membekal, memasang, komisen, menyenggara dan menguruskan Sistem Bas Pengangkutan Pintar [ITS] dan Sistem Tiket untuk perkhidmatan bas awam di Brunei Darussalam, menerangkan keperluan projek dan bertujuan untuk mengenal pasti cadangan yang terbaik yang sesuai dengan keperluan terutamanya peratusan pelaburan oleh syarikat tersebut, model yang terbaik dari kerajaan dan hal-hal operasi lain.

Menurut Siaran Akhbar JPD, dokumen RFP boleh diperolehi mulai 10 Januari ini, hari Selasa.

Dokumen RFP boleh diperolehi di JPD di alamat Seksyen Kewangan, Tingkat 4, JPD, Jalan Gadong, Kampung Beribi, Brunei Darussalam.

Atau bagi mana-mana pihak yang berminat bolehlah menge-mel terus ke *jpdptg@land-transport.gov.bn* bagi kemudahan akses dalam talian untuk mendapatkan dokumen RFP dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dikembalikan sebelum 11 Mac ini, Sabtu, nanti ke alamat seperti yang dinyatakan atau melalui e-mel, atau melalui lain-lain cara yang berkaitan dengan IT yang boleh diakses dan dibuka oleh pihak JPD.

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi JPD melalui alamat e-mel yang sama.

Memperkasa pengguna menjadi SmartConsumer

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Bahagian Hal Ehwal Pengguna (CAD), Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri pada 28 November 2016 telah melancarkan Aplikasi PenggunaBijak atau SmartConsumer bersempena Acara Brunei Salebration (BSb) 2016.

Tujuan utama aplikasi mudah alih tersebut adalah bagi memperkasa para pengguna untuk menjadi pengguna bijak dengan menyediakan platform perbandingan harga, serta memperkenalkan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna dan menyediakan platform bagi membuat aduan.

Aplikasi ini adalah di atas usaha dan bimbingan Timbalan Menteri (Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud bagi memudahkan pengguna-pengguna di negara ini untuk mendapatkan maklumat hal ehwal pengguna yang mengikut trend pada masa ini, *with a click of a button,* melalui telefon bimbit.

Aplikasi ini juga adalah selaras dengan misi CAD, iaitu untuk membangunkan budaya pengguna yang bermaklumat dan memperkasa persekitaran perniagaan yang sihat dan adil serta untuk melindungi pengguna melalui undang-undang dan penguatkuasaan yang berkesan terhadap amalan perniagaan yang tidak wajar.

Fungsi utama aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau SmartConsumer ini adalah, untuk membolehkan para pengguna membuat tinjauan dan perbandingan harga barangan keperluan harian di mana aplikasi berkenaan turut menyediakan maklumat mengenai harga barangan yang tersenarai di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, di samping mengandungi bahan maklumat pendidikan mengenai perlindungan pengguna dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kawalan harga.

Ciri-ciri utama aplikasi mudah alih adalah, a) Seksyen Price Comparison yang membolehkan para pengguna membuat perbandingan harga keperluan harian secara mingguan, seperti produk tenusu, makanan dalam tin, minyak masak dan lain-lain, yang dimaklumkan kepada CAD secara sukarela oleh para peniaga.

b) Seksyen Jualan dan Diskaun yang mengongsikan aktiviti-aktiviti jualan yang sedang diadakan di negara ini. Ini adalah selaras dengan inisiatif kerajaan untuk mendukung orang ramai untuk berbelanja di negara sendiri bagi meningkatkan *domestic consumption* dan pada masa yang sama menggalakkan syarikat perniagaan untuk ikut serta dalam acara jualan harga murah;

c) Seksyen Harga Kereta yang membolehkan para pengguna menyemak harga maksimum pameran kereta yang telah diluluskan oleh JPKE.

d) Bahan maklumat pendidikan mengenai perlindungan pengguna dan kawalan harga, serta jenis-jenis barangan yang dikawal harga dan maklumat harga barangan terkawal dan

e) Seksyen Lodge a Complaint sebagai platform kepada para pengguna untuk menghadapkan aduan berkaitan dengan amalan-amalan perniagaan tidak wajar dan perkara-perkara berkaitan dengan kawalan harga. Platform aduan ini membolehkan orang ramai mendapatkan kemudahan *consumer redress* dengan memberikan maklumat relevan seperti dokumen atau gambar termasuk butiran perhubungan terus ke CAD.

Manfaat aplikasi tersebut kepada orang ramai di antaranya dapat membuat perbandingan harga barangan asas secara cepat dan tepat, untuk membuat pilihan bijak dalam perbelanjaan harian mereka; Mendapatkan maklumat syarikat-syarikat seperti lokasi cawangan yang mengadakan acara harga jualan murah; Mendapatkan informasi *showroom price* kenderaan bermotor penumpang dengan tepat dan menyeluruh termasuk kuasa padu, jenis kenderaan dan tarikh mansuh penetapan harga tersebut; Mendapatkan maklumat tentang skop undang-undang Perlindungan Pengguna dan Kawalan Harga bagi memudahkan pengguna memahami bidang kuasa CAD, hak-hak sebagai pengguna, jenis-jenis amalan yang tidak wajar, jenis-jenis barangan yang dikawal harga dan maklumat harga barangan terkawal dan Membolehkan para pengguna menghadapkan aduan berkaitan dengan amalan-amalan perniagaan tidak wajar dan perkara-perkara berkaitan dengan kawalan harga terus ke CAD.

Di antara ekspektasi-ekspektasi JPKE melalui CAD adalah seperti berikut, iaitu :

a) Aplikasi PenggunaBijak atau SmartConsumer diharap boleh memupuk konsep 'Pengguna Bijak' dalam kehidupan seharian pengguna serta membangunkan budaya pengguna yang bermaklumat melalui informasi yang terkandung dalam aplikasi tersebut.

b) Aplikasi PenggunaBijak atau SmartConsumer juga diharap boleh membantu untuk melindungi pengguna daripada amalan perniagaan yang tidak wajar dan seterusnya memperkasa persekitaran perniagaan yang sihat dan adil melalui pembarigaan undang-undang dan penguatkuasaan yang berkesan.

Menyentuh mengenai aduan pengguna yang disebar luas melalui media sosial secara viral *(WhatsApp / Facebook)* pula, pihak JPKE menasihatkan orang ramai yang mempunyai keraguan atau pertanyaan untuk berhubung terus ke CAD menggunakan aplikasi PenggunaBijak atau SmartConsumer, di mana pengguna boleh memuat naik gambar atau dokumen sokongan secara mudah.

Selain daripada Mobile Apps yang disediakan, orang ramai juga boleh menghubungi CAD melalui saluran aduan tertentu pada waktu pejabat sama ada melalui talian telefon +673 2230223; e-mel kepada *aduanpengguna@jpke.gov.bn* atau *consumercomplaint@jpke.gov.bn*; melalui laman sesawang Facebook *www.facebook.com/AduanPengguna-JPKE* atau terus ke Pejabat CAD di CAD, Tingkat 3, West Wing, Bilik 3.06, JPKE, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA1131, Negara Brunei Darussalam.

Pihak JPKE juga menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarluaskan isu-isu hal ehwal pengguna yang belum tentu kesahihan maklumat tersebut melalui media sosial secara viral.

Jika pengguna berhadapan dengan amalan tidak wajar, mereka dinasihatkan untuk terlebih dahulu menghubungi peniaga berserta dokumen-dokumen sokongan seperti resit, untuk menerangkan masalah yang dihadapi dan membuat perundingan bagi mencapai hasil yang memuaskan. Kebanyakan isu boleh diselesaikan pada peringkat ini.

Dalam menangani aduan pengguna, CAD akan membuat perundingan dengan peniaga bagi pihak pengguna. Jika perundingan tidak berhasil, CAD akan mengadakan pengantaraan yang melibatkan pengguna dan peniaga di hadapan wakil bahagian sebagai perantara.

Jika aduan masih belum dapat diselesaikan, pengguna boleh membuat tuntutan remedi sivil di bawah Tribunal Tuntutan Kecil atau ke mahkamah.

Saluran Aduan Bahagian Hal Ehwal Pengguna:

aduanpengguna@jpke.gov.bn
consumercomplaint@jpke.gov.bn

www.facebook.com/AduanPenggunaJPKE

Aplikasi Mudah Alih 'PenggunaBijak atau SmartConsumer'

Tingkat 3, West Wing, Bilik 3.06,
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi,
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BA 1131
Negara Brunei Darussalam

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 2230223 (waktu pejabat)

Pendaftaran Peperiksaan BCGCE 'O', 'AS', 'A' Level, IGCSE

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah membukakan pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) 'O', 'AS' dan 'A' Level dan IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2017.

Pendaftaran peperiksaan adalah dibukakan kepada calon-calon sekolah bagi penuntut-penuntut yang berkenaan pada tahun ini tertakluk kepada sokongan pengetua dan pendaftaran mestilah melalui sekolah masing-masing, serta bagi calon-calon persendirian yang layak mengikut syarat-syarat pendaftaran peperiksaan, seperti yang dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran, bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka mulai 7 Januari 2017 hingga 16 Februari 2017.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada setiap hari Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi, mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan pada sebelah petang mulai jam 1.30 hingga 3.00 petang dan hari Sabtu dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah dilengkapkan berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat dari 16 Februari 2017.

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 03/01/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 11 JANUARI 2017
TARIKH TUTUP: 25 JANUARI 2017

1. **PEMBANTU KANAN PERKEMBANGAN UGAMA**
   C.1-2 EB.3
   BAHAGIAN III
   PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
   KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
   KEKOSONGAN: 1

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

